

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA SEMENANJUNG MALAYSIA

1975

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
1. PENDAHULUAN	1
2. PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN	7
3. PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG	14
4. PENYELIDIKAN	15
5. TAMAN NEGARA	37
6. PROJEK-PROJEK PEMBIAKAN	41
7. UNIT KEBAJIKAN GAJAH	42
8. LAMPIRAN A— Kuatkuasa Undang-undang; Negeri-negeri Semenanjung Malaysia Data Kes 1975	95
9. LAMPIRAN B— Jenis-jenis Lesen Yang Dikeluarkan dan Hasil Yang Dikutip Dalam Tahun 1975	100
10. LAMPIRAN C— Ekspot dan Impot Binatang-binatang dan Burung- burung Liar, Semenanjung Malaysia	101
11. LAMPIRAN D— Binatang-binatang dan Burung-burung Sama ada Di- bunuh atau Ditangkap Dalam Pelanggaran Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972	104

PENDAHULUAN

Akibat penerokaan hutan secara besar-besaran telah menimbulkan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk negara ini untuk memelihara kecantikan dan keindahan alam semula jadi. Sehingga ini tidak kurang daripada 48% kawasan hutan negara ini telah diteroka dan dimajukan untuk tanaman getah, kelapa sawit dan berbagai jenis pembangunan. Juga dengan pertambahan penduduk yang banyak dan tekanan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di Malaysia, banyak hasil-hasil sumber alam negara ini telah diusahakan. Tekanan daripada pihak-pihak pemuliharaan dan pencinta alam telah menimbulkan kesedaran dikalangan penduduk negara ini agar sesuatu tindakan positif dapat dilakukan untuk mengubah kedudukan yang tidak menyehatkan itu. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dan badan-badan persendirian ke arah pemuliharaan amatlah menggalakan dan matlamat-matlamat yang akan dicapai kelak akan banyak bergantung kepada cara-cara memahami untuk mengatasi masalah yang dihadapi itu.

Kini telah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Jabatan Mergastua untuk mengurus hidupan liar, taman-taman negara, kawasan perlindungan dan rezab hidupan liar. Tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan ini amatlah berat lagi memerlukan dedikasi dan banyak pengorbanan tenaga. Ini amatlah berbeza sekali dengan 20 tahun dahulu di mana hidupan liar terdapat dengan banyak berkeliaran di dalam hutan-hutan belantara yang luas. Masalah dihadapi dewasa ini begitu kompleks lagi memerlukan data-data penyelidikan yang lengkap lagi tepat untuk disesuaikan dibidang pengurusan moden hidupan liar.

Bagi mengatasi masalah keganasan dan kerosakan oleh gajah-gajah liar terhadap tanaman di tanah-tanah rancangan kerajaan berbagai usaha telah dijalankan oleh jabatan ini. Di bahagian-bahagian yang mengalami kerosakan terok usaha tangkapan telah dijalankan dan di bahagian-bahagian lain pula cara-cara menghalau dan menggunakan pagar listrik dan parit telah diusahakan. Kini penyelidikan sedang diusahakan bagi mendapat teknik baru dengan menggunakan ubat kimia. Penghidupan badak kerbau yang terancam memerlukan kawasan-kawasan perlindungan yang luas dan pengurusan yang teliti lagi bijak. Bagi penghidupan seladang pula, kedudukannya adalah lebih terjamin melalui pengurusan-pengurusan yang telah dijalankan di kawasan suainya. Begitu juga dengan masalah yang dihadapi dengan pengurusan harimau belang diharap akan dapat memperbaiki lagi tentang pembiakannya. Jabatan ini menghadapi masalah berlainan mengenai perjenis hidupan liar yang juga memerlukan tindakan yang khusus lagi unik untuk menguruskannya.

Dalam laporan tahunan, jabatan ini akan bentangkan aktibiti-aktibiti di tiap-tiap cawangan di jabatan ini menerangkan satu persatu tugas-tugas yang dilaksanakan dan matlamat yang dituju dan juga kejayaan yang telah tercapai. Aktiviti ditiap-tiap cawangan adalah dibentangkan dengan lengkap dan sebahagian daripadanya terdapat di dalam laporan ini. Tidak ketinggalan juga beberapa peristiwa penting telah berlansung disepanjang tahun.

**PEMBAHAGIAN DAN KAJIALAM HAYAT BADAK KERBAU
(DECERORHINUS SUMATRENSIS) DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

LAPORAN KEPADA JABATAN MERGASTUA
RINGKASAN AKTIVITI TAHUN 1975

oleh

Rodney W. Flynn
Pegawai Penyelidik

Projek penyelidikan ini telah dimulakan pada 1hb Januari, 1975. Selepas perbincangan awal dengan pegawai-pegawai Jabatan Mergastua maka dirancang supaya projek ini akan melibatkan satu pengkajian pembahagian dan kajihayat alam Badak Kerbau di wilayah Semenanjung Malaysia yang mengandungi penghidupan Badak Kerbau yang sesuai. Perimbangan projek ini ialah taraf kedudukan dan kajihayat alam pada dasarnya tidak diketahui di samping anggaran yang penghidupan binatang ini terancam ke arah kepupusan.

Langkah kewajipan utama ialah untuk mencari kawasan yang sesuai untuk penyelidikan, memastikan cara-cara melaksanakannya, dan mencari rumusan matlamat. Lawatan pertama dijalankan di beberapa wilayah yang dipercayai mengandungi Badak Kerbau untuk membolehkan penilaian perkara di atas dilakukan. Jangka masa dari 17hb Februari, 1975 sehingga 1hb Julai, 1975 dapat diuruskan di bidang ini meliputi perjalanan-perjalanan di bawah ini di kawasan Endau-Rompin.

- | | | |
|------------------------------|-----|----------------------|
| 1. Januari 17hb-20hb | ... | Ulu Juaseh, Kemidah |
| 2. Januari 28hb-Februari 2hb | | Ulu Segamat |
| 3. Februari 21hb-26hb | ... | Ulu Selai |
| 4. Mac 21hb-25hb | ... | Sungai Endau |
| 5. Mei 7hb-10hb | ... | Sungai Jekatih |
| 6. Mei 13hb-15hb | ... | Ulu Juaseh |
| 7. Mei 30hb-Jun 6hb | ... | Sungai Selai |
| 8. Jun 11hb-14hb | ... | Ulu Segamat |
| 9. Jun 20hb-25hb | ... | Sg. Selai, Ulu Emas. |

Dari lawatan di atas banyak kesan-kesan penghidupan Badak Kerbau dijumpai dan kawasan ini (Kawasan Endau-Rompin) telah dipilih sebagai kawasan pengkajian. Kawasan Sungai Selai merupakan kawasan yang mempunyai banyak dengan pembahagian binatang iaitu di sekitar wilayah ini yang lebih luas dan selanjutnya telah dipilih sebagai satu kawasan untuk pengkajian mendalam. Cara-cara kerja luar telah dicuba dan dipastikan, anggaran projek juga terlibat (Laporan tahun 1976).

Satu cara yang dicadangkan ialah dengan mencuba alat pemancar radio. Satu rancangan telah direka untuk menangkap dan memasangkannya, ke beberapa ekor Badak Kerbau. Dalam bulan Julai satu perangkap telah siap dibina di Sungai Selai berdekatan dengan kubang yang sentiasa digunakan oleh binatang di sepanjang bulan. Baki tahun telah dicuba

untuk menangkap Badak Kerbau dan membina sebuah lagi perangkap. Percubaan untuk menangkap tidak berjaya dan dihentikan pada 20hb November, 1975.

Jangka masa bertugas di luar dari 1hb Julai sehingga 31hb Disember meliputi seperti berikut:

1. Julai 20hb-27hb Sungai Selai (Bina perangkap II)
2. Ogos 24hb-27hb Sungai Jenan, Sungai Endau
3. September 10hb-29hb Sungai Selai
4. Oktober 18hb-30hb Sungai Selai (Bina perangkap II)
5. November 7hb-19hb Sungai Selai

Dalam bulan Disember cuti telah diambil untuk ke India dan Nepal di mana banyak maklumat dapat dipungut mengenai Badak Kerbau India dan perundingan dibuat dengan penyelidik-penyelidik badak kerbau di sana.

Semasa tahun 1975 saya telah dibantu di tiap-tiap lawatan kerja luar oleh Renjer Mergastua Abdullah bin Ibrahim yang bertempat di Kulai, Johor dan beberapa Orang Asli dari Kampung Juaseh, Johor. Abdullah telah bertugas selama 110 hari dan Orang Asli selama 185 hari.

Maklumat-maklumat utama diperolehi di sepanjang tahun adalah mengenai pembahagian Badak Kerbau di kawasan-kawasan yang di-lawati. Banyak kubang telah dijumpai dan maklumat diperolehi untuk kajian. Dengan mengukur denai dengan tepat, percubaan telah dibuat untuk mengesan satu persatu. Maklumat mengenai kegunaan kawasan suai oleh kumpulan-kumpulan binatang tersebut dan najis-najis, tabiat telah dipungut tetapi maklumat amatlah terhad ketika ini untuk dibuat sebarang kesimpulan. Percubaan untuk menganggarkan bilangan juga tidak dilaksanakan. Sehingga ini rancangan untuk menggunakan data dari alat pemancar radio untuk memungut maklumat mengenai pergerakan jarak kawasan suai untuk menganggarkan bilangannya.

Oleh kerana tidak seekor pun binatang yang ditangkap kebanyakan maklumat di atas tidak dapat dipungut. Satu langkah yang khusus telah dilaksanakan agar tidak mengganggu Badak Kerbau di kawasan Sungai Selai yang mana juga telah menghadkan pergerakan saya. Cara-cara selanjutnya telah diubah.

Satu percubaan telah dibuat untuk menganggarkan cadangan kegunaan kawasan tanah di tempat yang diduduki oleh Badak Kerbau. Ini telah dijalankan dengan berhubung Pegawai Hutan Daerah di Segamat, Kluang dan Mersing mengenai kegunaan hutan di Johor. Pejabat Pahang Tenggara juga telah dihubungi dan maklumat diperolehi sejak rancangan pembangunan di Pahang akan mendatangkan kesan yang buruk kepada pembahagian Badak Kerbau di Endau Rompin dan selanjutnya satu kertas telah dibentangkan mengenai beberapa pertukaran. Laporan ini telah dipanjangkan untuk pertimbangan oleh Lembaga Pahang Tenggara yang mana telah dipanjangkan ke Kerajaan Negeri dengan tidak mendapat sebarang tindakan.

PENYELIDIKAN KE ATAS CIPAN (*TAPIRUS INDICUS*)

oleh

Keith D. Williams
Julai ke Disember, 1975**Pendahuluan**

Semasa dari bulan Februari hingga Disember, 1975 saya telah ditugaskan dengan rasmi sebagai Pegawai Pengkaji Alam di Taman Negara.

Dalam bulan Julai, 1975 saya diberi kelulusan secara lisan oleh Ketua Pelindung Mergastua untuk memulakan satu pengkajian mengenai kaji hayat alam ke atas Cipan (*Tapirus Indicus*) berdasarkan separuh masa. Kerja ini tidaklah diberi perhatian utama seperti tugas rasmi sebagai Pengkaji Alam.

Selanjutnya masa yang ditumpukan kepada penyelidikan amatlah terhad, cuma setakat 15 hari di bulan Ogos ke Oktober. Penyelidikan tidak dijalankan pada bulan November dan Disember, 1975.

Cara dan Keputusan

Kerja-kerja penyelidikan dijalankan bagi menumpu ke arah pengubahsuaian dengan kawasan cipan, petunjuk dan gerak kerja. Beberapa lawatan dilakukan ke Sungai Buei (Ulu Sg. Yong dekat Bukit Guling Gendang) dan Sungai Tenor. Pemerhatian lain juga dijalankan di kawasan di antara Jenut Belau dan Sungai Panjang.

Sebagai tambahan kerja-kerja juga telah dijalankan pada bulan Oktober 1975 dengan alat pemancar-radio bagi mencuba kebolehan di paras perdataran. Kerja ini amatlah menggalakkan, oleh kerana ini membolehkan menerima isyarat dari alat-pemancar dan tali leher di Jenut Belau dari tempat pemandangan Bukit Teresek yang jaraknya tiga batu.

Dua alat tali leher telah dicuba, satu direka untuk kegunaan kepada Gajah dan satu lagi untuk kegunaan Badak Kerbau. Anihnya yang alat untuk Badak Kerbau (dengan aerial yang pendek) terbukti lebih berkesan.

Alat-alat tali leher kemudiannya dibawa dengan tangan bersama bungkusan alat-pemancar ditirapkan (bertentangan cara pemasangan biasa) dari Kuala Tahan ke Jenut Belau melalui Bukit Sumpur. Stesyen penerima diletak di tempat pemandangan Bukit Teresek. Apabila alat tali-leher ditempatkan di bahagian yang jauh di sebalik Bukit Sumpur cuma isyarat alat dari Badak Kerbau dapat dikesan.

Percubaan selanjutnya dengan menggunakan Bukit Sumpur sebagai tempat penerimaan isyarat dan dengan mencuba alat tali-leher Gajah selanjutnya membuktikan pendapat yang ini amat memerlukan terlebih dahulu "satu garisan penglihatan" (iaitu tidak ada sebarang gangguan bukit-bukau) supaya bertemu di antara alat penerima dan pemancar. Bagi satu isyarat untuk dikesan.

Satu perolehan kajian telah diperhatikan semasa percubaan tersebut. Sungguh pun alat pemancar mengeluarkan isyarat yang agak kuat di arah tegak dari arah mendatar, kemungkinan untuk mengesan isyarat yang kuat dengan menempatkan aerial penerima ke arah mendatar. Satu penerangan kepada perbezaan ini ialah gelombang-gelombang yang dikeluarkan telah dapat dibatalkan selanjutnya oleh pokok-pokok di kawasan berjenis hutan tropika. Pokok-pokok dan batang-batang kayu menahan arah gelombang yang menegak dan membenarkan arah gelombang yang mendatar lagi lemah untuk melaluinya.

Berasaskan kerja-kerja di atas satu permohonan melalui surat dipanjangkan lewat November, 1975 untuk menempah alat-alat radio bagi kerja-kerja mengesan.